



**Kementerian Wilayah Persekutuan**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR**

**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KENDURI 1 WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PARLIMEN BUKIT BINTANG**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Salutasi**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Dan Salam Sejahtera**

## **PENDAHULUAN**

1. Marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya kita dapat bersama-sama pada hari ni dalam Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2017.
2. Kita semua amat bertuah kerana Negara Malaysia sentiasa dan masih lagi dalam keadaan aman. Kita boleh mengadakan program sebegini dengan selesa, beriadah dengan tenang tanpa sebarang ketakutan. Kuncinya adalah perpaduan, saling menghormati dan kerjasama antara satu sama lain.
3. Lantaran itu, soal perpaduan dan saling menghormati ini perlu sentiasa diterap dan disemai; dan kita patut bersyukur kerana kerajaan yang mentadbir negara ini mampu mengekalkan keamanan dan mengutamakan kepentingan rakyat serta kesejahteraan negara.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

## **OBJEKTIF KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN**

4. Kenduri 1Wilayah Persekutuan merupakan program '*signature*' Sambutan Hari Wilayah Persekutuan di bawah kluster program mesra rakyat. Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini telah mula kita laksanakan sejak tahun 2011. Sebelum ini kita laksanakan secara serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan tetapi kini bagi mendekati rakyat secara lebih akrab, maka program ini dilaksanakan secara berperingkat mengikut parlimen di sepanjang bulan Februari.
5. Kita mendapati Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini amat memberi impak yang positif kepada warga Wilayah Persekutuan khususnya dalam jalinan ukhwah sesama insan. Program ini juga dilihat dapat menyatukan pelbagai lapisan masyarakat di kawasan ini dengan penglibatan semua pihak dalam penganjuran program kenduri ini.

## **IMPAK KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN**

6. Saya dapat lihat kerjasama serta perpaduan sesama ahli komuniti berganding bahu dalam penyelarasan pelaksanaan program, bersama-sama memasang khemah dan merancang aktiviti-aktiviti lain bagi memeriahkan dan membangkitkan suasana kenduri. Anak-anak pastinya lagi gembira boleh bermain bersama rakan-rakan yang pastinya dapat menceriakan suasana kenduri ini.

7. Program ini turut menjadi landasan dalam usaha Kementerian Wilayah Persekutuan menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang melibatkan penyertaan komuniti. Pasti program kenduri ini menjadi salah satu elemen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan sosial khususnya di kalangan warga kota.
  
8. Sekali lagi pada tahun ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi di bawahnya akan mengadakan 13 program kenduri di setiap lokasi Parlimen iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Saya amat berbesar hati dengan kerjasama yang diberikan oleh Pusat-Pusat Khidmat Masyarakat, badan-badan bukan Kerajaan, Persatuan-Persatuan Penduduk, Majlis Perwakilan Penduduk serta Dewan-Dewan Perniagaan yang sentiasa bersedia menghulurkan tangan untuk bersama-sama Kementerian dalam menyokong segala usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya.
  
9. Penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan 2017 ini akan memberikan peluang kepada semua warga Wilayah Persekutuan untuk merasai kemeriahan suasana kenduri walaupun kita tinggal di kawasan bandar. Sambil menjamu selera dengan menu yang dimasak sendiri secara bergotong royong di kalangan ahli jawatankuasa perumahan serta komuniti yang terlibat pastinya dapat menghidupkan kembali budaya tradisi zaman datuk nenek kita dahulu yang semakin luntur ditelan zaman. Kementerian mendapat

reaksi yang positif daripada kalangan komuniti yang gembira dengan penganjuran program seumpama ini.

10. Program pada hari ini adalah salah satu daripada pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) dalam mengabungkan program-program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan terutama diperingkat kementerian dengan program-program yang dilaksanakan oleh NGO dan badan-badan korporat. Melalui pendekatan seumpama ini, penganjuran program dapat dilaksanakan dengan lebih mantap, menjimatkan kos dan masa. Perkara ini dapat dilihat secara jelas melalui penganjuran program pada hari ini di mana kos penganjuran dibiayai oleh Kementerian, DBKL dan agensi-agensi kerajaan.
  
11. Bukit Bintang merupakan kawasan tumpuan orang ramai dan juga pelancong. Maka dengan penganjuran program Kenduri 1Wilayah di sini dapat menunjukkan kepada orang luar bahawa penduduk di sini mempunyai sikap toleransi sesama masyarakat berbilang kaum dengan semangat kekitaan dan kebersamaan. Perpaduan yang kukuh juga akan menjamin kesejahteraan hidup disamping mengekalkan keharmonian supaya dapat menyokong dan mengekalkan kestabilan ekonomi yang pesat di kawasan ini. Dengan ini akan wujud persekitaran yang selamat dan sekaligus menarik lebih ramai pelancong luar untuk datang ke sini.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

## **SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN**

12. Saban tahun, tarikh 1 Februari amat bermakna kepada kita semua sebagai warga Wilayah Persekutuan dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan mula mengadakan sambutan sejak tahun 2004. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan yang ke-13.
13. Kementerian juga mengekalkan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan sama seperti pada tahun lepas iaitu “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera”. Saya yakin bahawa tema ‘Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera’ bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang ingin menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria merangkumi persekitaran yang bersih; kemudahan pengangkutan yang kondusif; sistem pengangkutan yang sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti warga Wilayah Persekutuan.
14. Harapan saya dengan slogan ini, ia mampu merangsang seluruh warga Wilayah agar seiringan dengan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi memajukan serta memakmurkan bumi Wilayah Persekutuan yang tercinta ini sebagai sebuah bandar raya metropolis yang lestari untuk dihuni sepanjang masa.

15. Selain itu, semangat perpaduan, kekitaan, kebersamaan dan menambahkan rasa sayang kepada Wilayah Persekutuan akan terus teguh di kalangan warga Wilayah Persekutuan.
16. Sebanyak 45 program akan dilaksanakan sepanjang bulan sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini. Keistimewaan sambutan pada tahun ini adalah Kementerian banyak memperkenalkan program-program baru yang berimpak tinggi. Program-program yang disusun melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa. Pasti program pada tahun ini lebih meriah dan ceria.
17. Kita sedar negara sedang berada dalam keadaan ekonomi yang agak mencabar serta kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat. Oleh itu, pelaksanaan program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2017 tidak diadakan secara berlebihan-lebihan.
18. Langkah ini selari dengan saranan YAB Perdana Menteri agar terus mengekalkan inisiatif penjimatan khususnya dalam aspek penganjuran majlis/program.
19. Oleh itu, sambutan pada tahun ini tidak diadakan secara berlebihan. Terdapat beberapa program yang dilaksanakan secara *smart partnership* dan digabungkan dengan kerjasama Persatuan-

persatuan, NGO, badan korporat yang akhirnya mencapai matlamat dalam merealisasikan inisiatif penjimatan seperti yang disarankan oleh pihak Kerajaan serta memberi manfaat kepada rakyat khususnya.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

**INISIATIF MENSEJAHTERAKAN RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN  
DI PARLIMEN BUKIT BINTANG**

20. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Kementerian sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh itu, pelbagai inisiatif mensejahterakan rakyat sentiasa dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang terbaik daripada usaha yang dibuat.
  
21. Kementerian melalui DBKL telah merancang dan sedang dalam pelaksanaan bagi menaiktaraf kawasan Jalan Alor yang merupakan kawasan tumpuan peniaga dan pelancong asing. Jalan raya di sini telah pun di turap menggunakan tar yang lebih tahan lasak bukan hanya untuk laluan kenderaan tetapi bagi kegunaan penganjuran program-program berskala besar. Apa yang lebih menarik di sini ialah kawasan ini akan ditutup kepada kenderaan pada waktu malam bagi kegunaan peniaga dan pejalan kaki di sepanjang Jalan Alor.



22. Kami juga akan menaiktaraf sistem perparitan yang lebih efektif bagi mengelakkan berlakunya banjir kilat. Pemasangan tiang lampu berkonsepkan *chop stick* bagi menambahkan pencahayaan yang lebih baik dan menarik akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga bulan Mac 2017. Secara keseluruhannya sebanyak 16 juta kos diperuntukkan hanya untuk kawasan Jalan Alor sahaja. Bagi keseluruhan kawasan di Bukit Bintang pula, proses rekabentuk sedang dilaksanakan bagi menambahbaik keindahan bandar yang akan mengikut garis panduan *KL Urban Design*.
23. Saya difahamkan juga bahawa kawasan Jalan Alor dijadikan sebagai kawasan pusat judi haram. Walaupun penguatkuasaan telah dilakukan namun kewujudannya semakin bertambah kerana dibayangi oleh bermacam-macam sindiket. Oleh itu saya minta penduduk di kawasan ini dapat membantu pihak Kementerian dalam usaha menangani gejala ini daripada berleluasa dengan menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa. Kita mahu kawasan Bukit Bintang ini di kenali sebagai kawasan pelancongan yang bersih dan selamat.
24. Selain itu, Kerajaan turut menyediakan Perkhidmatan bas sekolah secara percuma yang telah memberi manfaat kepada 8,072 pelajar yang merupakan anak-anak penghuni rumah Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam di sekitar ibu kota. Pendekatan ini merupakan inisiatif baharu kerajaan bagi menangani kemiskinan bandar serta mengurangkan beban dan kos sara hidup.

25. Kementerian juga sering menganjurkan program-program kebersihan serta mengajak warga kota untuk turut bersama-sama menjalankan tanggungjawab menjaga kebersihan dan keindahan serta keceriaan ibu kota. Kita juga berusaha untuk mengurangkan gejala-gejala penyakit yang berbahaya seperti demam denggi, zika, demam kepialu dan banyak lagi penyakit yang boleh menular jika kita tidak menjaga kebersihan. Malah Kementerian dengan kerjasama DBKL juga sentiasa melaksanakan aktiviti penyelenggaraan kemudahan awam dan perumahan penduduk. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua warga kota serta kerjasama daripada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) agar memastikan vandalisme tidak berlaku di kawasan perumahan yang diduduki. Sayangi dan gunalah dengan sebaiknya segala kemudahan yang disediakan demi kemaslahatan bersama.

26. Antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan demi kesejahteraan warga Kuala Lumpur adalah seperti membantu golongan gelandangan dengan menyediakan tempat berlindung serta membantu mencari pekerjaan kepada mereka. Kita tidak mahu keindahan dan persekitaran ibu kota terjejas di pandangan mata pelancong-pelancong asing yang datang ke Kuala Lumpur dengan pemandangan yang tidak indah seperti ini. Kerajaan sudah menyediakan kemudahan dan keperluan kepada golongan gelandangan ini untuk digunakan sepenuhnya oleh mereka serta NGO-NGO yang terlibat. Oleh itu, semua pihak diharapkan memberi

kerjasama dan sokongan kepada usaha murni ini agar dapat mengurangkan golongan gelandangan ini di Kuala Lumpur khususnya.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

## **PENUTUP**

27. Adalah diharapkan kesemua program yang diatitkan ini diharapkan mendapat komitmen dan penyertaan sepenuhnya rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya warga Wilayah Persekutuan untuk sama-sama merasai kemeriahan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.
28. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Kenduri 1Wilayah Persekutuan Parlimen Bukit Bintang dan semua pemimpin masyarakat setempat yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang amat baik sekali dalam penganjuran program pada hari ini. Semoga segala usaha murni kita ini akan diberkati oleh Allah swt.
29. Dengan ini, saya merasmikan **Kenduri 1Wilayah Persekutuan 2017 dan Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Bukit Bintang.** Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Sekian, terima kasih.